



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 4 MAC 2020**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
SH/ SUKNS/ BIL.8/ 2020	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Projek Naik Taraf <i>Local Area Network (Lan)</i> Di Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara, Pejabat Tapak Semaian Mantin, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Dan Pemasangan <i>Node</i> Rangkaian Di Jabatan - Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Peringatan : Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	210101 210102 210103 210105 210107	RM50.00 setiap satu borang	10/3/2020 (Selasa) 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Tingkat 3, Blok B, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **10.3.2020 hingga 18.3.2020** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 18 Mac 2020 (Rabu)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.